

# Garis Panduan mengisi Jadual Kedua, Jadual Kelima, Jadual Ketujuh dan Jadual Ketujuh A

## Pengenalan

Jadual-jadual yang dimuatnaik dan digunapakai oleh pihak JPPHB UM merupakan sebahagian daripada dokumen rekod rasmi dalam urusan pelupusan dalam UM. Ianya adalah dipetik dari Peraturan Buangan Terjadual, Akta Alam Sekitar 2005.

Garis panduan ini akan menghuraikan cara-cara yang sesuai untuk mengisi jadual-jadual tersebut.

### 1) Jadual Kedua

- a. Jadual Kedua adalah notifikasi penghasilan buangan terjadual
- b. Ianya perlu dikemukakan untuk memaklumkan bahan kimia mentah dan jenis buangan terjadual yang akan dihasilkan dari penggunaan bahan mentah tersebut
- c. Nilai-nilai yang dimaklumkan dalam Jadual Kedua adalah anggaran dalam tempoh bulanan
- d. Sekiranya tiada perubahan dalam bahan mentah kimia dan jenis buangan terjadual, ianya tidak perlu dikemukakan semula
- e. Pengisian Jadual Kedua:
  - i. PENGENALAN – isikan maklumat penjana buangan terjadual
  - ii. DATA PENGELUARAN – senaraikan bahan mentah kimia dan kuantiti gunaan bulanan (jangkaan) dalam unit kg atau Tan Metrik
  - iii. DATA BUANGAN –

|                       |   |
|-----------------------|---|
| Kod buangan terjadual | Senaraikan kod SW untuk buangan terjadual yang akan dihasilkan (rujuk Jadual Pertama, Peraturan Buangan Terjadual, Akta Alam Sekitar 2005 untuk definasi)   |
| Punca buangan         | Huraikan secara ringkas asal buangan terjadual (cth: pembersihan, penyelidikan dsb)   |
| Nama buangan          | Huraikan berdasarkan proses janaan atau nama bahan mentah (cth: sisa fasa mobil HPLC, sisa ekstrak, asid sulfurik terpakai dsb)<br>Nota: Huraian kod buangan dalam Jadual Pertama HANYA untuk rujukan sahaja. Sila JANGAN gunakan huraian tersebut kerana ianya adalah tidak spesifik |
| Komponen buangan      | Senaraikan bahan kimia yang tercampur dalam buangan tersebut  |
| Kuantiti (Tan Metrik) | Sila nyatakan anggaran kuantiti yang akan dihasilkan secara bulanan   |

### 2) Jadual Kelima

- a. Jadual Kedua adalah inventori buangan terjadual yang telah dihasilkan dalam bulan tertentu. Ianya perlu dikemukakan secara bulanan
- b. Sekiranya tiada buangan terjadual dicatitkan dalam Jadual Kelima untuk bulan tertentu, maka ianya tidak perlu diisikan. Namun, jabatan/unit perlu mewujudkan rekod untuk tujuan audit
- c. Pengisian Jadual Kelima adalah berdasarkan kod SW dan ciri-ciri buangan. Cth: SW 409 kaca (satu jadual Kelima), SW 320 (satu Jadual Kelima), SW 421 cecair mudah terbakar (satu Jadual Kelima) dan sebagainya
- d. Pengisian Jadual Kelima:
  - i. TARIKH – tarikh buangan tersebut dihasilkan atau tarikh buangan tersebut disimpan di setor sementara di jabatan/unit
  - ii. KOD KATEGORI BUANGAN – sila rujuk Jadual Pertama, Peraturan Buangan Terjadual, Akta Alam Sekitar 2005 untuk kod SW yang sesuai. Sila nyatakan ciri-ciri buangan untuk kod buangan sekali di ruangan ini

- iii. KUANTITI – silanyatakan kuantiti dalam bentuk BOTOL/BEKAS/UNIT dan METRIK TAN
- iv. PUNCA AKTIVITI – sila huraikan proses di mana buangan tersebut dijanakan (cth; penyelidikan, pemprosesan sampel, analisa HPLC dan sebagainya)
- v. TARIKH HANTAR KE STOR PTJ – sila gunakan tarikh semasa Jadual Kelima dikemukakan ke Unit OSHE Fakulti Perubatan secara bulanan
- vi. TINDAKAN KOORDINATOR SISA – untuk kegunaan rasmi Unit OSHE Fakulti Perubatan dan wakil JPPHB

### 3) Jadual Kejutuh

- a. Jadual Ketujuh adalah maklumat buangan terjadual (satu Jadual untuk satu kod dan ciri-ciri) yang dihasilkan. Ianya perlu disediakan oleh pengeluar buangan tersebut.
- b. Maklumat yang dimasukkan adalah berdasarkan sifat-sifat bahan kimia yang terkandung dalam buangan tersebut
- c. Secara am, maklumat boleh diterapkan dari dokumen 'safety data sheet' (SDS) untuk bahan kimia yang paling hazad dalam campuran (jika berkenaan)
- d. Untuk kod buangan SW 409, ianya adalah tidak mempunyai hazad
- e. Jadual Ketujuh hanya perlu dikemukakan SEKALI SAHAJA untuk setiap kod buangan dan ciri-ciri, kecuali terdapat perubahan pada maklumat dalam Jadual tersebut

### 4) Jadual Ketujuh (A)

- a. Jadual Ketujuh (A) merupakan dokumen tambahan untuk kod buangan SW 421, 422, 429 dan 430 di mana terdapat bahan kimia mentah bercampur serta buangan yang tidak dapat dikategorikan ke kod buangan yang lain
- b. Ianya menyerupai rujukan ringkas SDS bagi kod buangan tersebut
- c. Pengisian Jadual Ketujuh (A):
  - i. KOD KATEGORI BUANGAN – sila bulatkan SATU kod buangan yang berkenaan
  - ii. CIRI-CIRI BUANGAN TERJADUAL – sila bulatkan SATU ciri-ciri yang berkenaan dan TOXIC
  - iii. NAMA BUANGAN TERJADUAL – sila senaraikan nama bahan kimia mentah yang ada dalam campuran/senarai buangan terjadual, seperti mana yang telah dicatit dalam Jadual Kelima yang sepadan
  - iv. Kuantiti (Botol/Tiub/Jar) – sila nyatakan jumlah botol/tiub/jar yang ada dalam kod buangan terjadual, seperti mana yang telah dicatit dalam Jadual Kelima yang sepadan
- d. Memandangkan maklumat Jadual Ketujuh (A) meringkaskan rujukan SDS, maka dokumen SDS tidak lagi perlu dikemukakan semasa penghantaran Jadual-Jadual setiap bulan
- e. Untuk longgokan bekas bersaiz kecil di mana ianya telah dikumpulkan dalam plastic lutsinar,

### 5) Label

- a. Label rasmi untuk dilampirkan pada setiap bekas buangan terjadual telah dihasilkan oleh JPPHB dan boleh diperolehi di pautan UM Portal -> PTJ Info -> JPPHB -> Bahagian Pentadbiran
- b. Label rasmi adalah bersaiz A4. Ianya boleh dikecilkan untuk bekas yang kecil, tetapi pastikan tulisan masih boleh dibaca pada saiz label yang kecil. Dicadangkan bahawa saiz minima label adalah A5 (1/4 saiz A4)
- c. Pengisian label:
  - i. TARIKH DIHASILKAN – sama seperti yang tertera dalam Jadual Kelima
  - ii. TARIKH DILUPUSKAN – sama seperti yang tertera dalam Jadual Kelima
  - iii. NAMA PENGELUAR SISA – sila isikan nama kakitangan yang berpengetahuan tentang penghasilan sisa tersebut (cth: penyelia, pengurus makmal dsb)
  - iv. BILIK/MAKMAL – sila isikan nama bilik/makmal
  - v. JABATAN/UNIT – sila isikan nama jabatan/unit
  - vi. NO. TEL. – sila isikan nombor yang boleh dihubungi sekiranya perlu

- 6) Untuk longgokan bekas bersaiz kecil di mana ianya telah dikumpulkan dalam plastic lutsinar tanpa warna, sila lampirkan label DAN Jadual Ketujuh (A) pada plastic tersebut.